

**FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR TAHUN
AKHIR TERHADAP BIDANG KEUSAHAWANAN DI UTM**

NORFAZILA BINTI ABU BAKAR

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
2008**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PSZ 19:16 (Pind. 1/97)

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR TAHUN
AKHIR TERHADAP BIDANG KEUSAHAWANAN DI UTM.

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya : NORFAZILA BINTI ABU BAKAR

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Hakmilik tesis adalah dibawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh UTM, hakmiliknya adalah kepunyaan UTM.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian mereka.
4. Tesis hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. *Saya membenarkan/tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
6. **Sila tandakan (/)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : TS 2366, KAMPUNG PADANG

LALANG, 14120, SIMPANG

AMPAT. PULAU PINANG.

EN. ROSNI ZAMUDDIN SHAH SIDEK

(NAMA PENYELIA)


Tarikh : APRIL 2008

Tarikh : APRIL 2008

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Serta Teknologi Pendidikan (Kemahiran Hidup) ”

Tanda tangan : 

Nama Penyelia : ENCIK ROSNI ZAMUDDIN SHAH BIN SIDEK

Tarikh : 30 APRIL 2008

**FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR TAHUN
AKHIR TERHADAP BIDANG KEUSAHAWANAN DI UTM.**

NORFAZILA BINTI ABU BAKAR

**Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.**

2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : NORFAZILA BINTI ABU BAKAR

Tarikh : 30 APRIL 2008

DEDIKASI

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpahan rahmat dan izinNya
Maka selesailah tugas ini pada waktu yang telah ditetapkan
Ku tujukan khas dedikasi ini buat...

Teristemewa buat abahku, **Abu Bakar Bin Burhan** yang sering berada
di sampingku ketika susah dan senang
Pengorbanan mu akan ku kenang sehingga nafasku yang terakhir...
Tidak sesekali ku lupa padamu
Untuk ibu yang tercinta, **Puan Zainab Binti Yusuff**
Kasih sayang yang tiada penghujungnya Sentiasa mekar dihatiku
Dikau mengetahui segala isi hatiku kerana di sisimu jua
tempatku sandarkan segala tawa dan resahku...
Dorongan dan doa restu kalian adalah tunggak kejayaan diriku ini...

Buat adik-beradikku yang tersayang...
Hadapilah segala dugaan hidup dengan tenang kerana ianya mematangkan kita dalam
meniti puncak kejayaan. Jangan sesekali kita berputus asa.
Kejayaan adalah milik kita bersama.

Tidak lupa juga kepada **teman-teman seperjuangan** terutama 4 SPH yang telah banyak
menyokong dan memberi semangat...kalian sungguh istemewa dalam hatiku.
Untuk **Cinta Dalam Hati**...Semoga kita berjaya bersama...

Semoga ALLAH S.W.T memberkati dan melimpahkan rahmatNya kepada kita semua
dalam melayari hidup ini...

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, saya memperolehi kesihatan dan kekuatan semasa berusaha menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana muda, **En. Rosni Zamuddin Shah Bin Sidek** atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana sudi menghulurkan bantuan, pendapat dan idea dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Semoga segala bantuan yang dihulurkan dirahmati Allah S.W.T.

Yang benar,

NORFAZILA BINTI ABU BAKAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir aliran Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia terhadap bidang keusahawanan. Responden kajian ini terdiri daripada 140 orang pelajar Tahun Akhir aliran Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibina bagi menjawab lima persoalan kajian untuk menentukan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Data dianalisis menggunakan *Program Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 13.0* untuk mendapatkan min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan faktor yang paling tinggi mempengaruhi minat pelajar ialah faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dan faktor pensyarah dengan nilai min 3.7. manakala faktor rakan sebaya dan faktor keluarga merupakan faktor yang berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi minat pelajar tahun terhadap bidang keusahawanan. Bagi pengkaji akan datang dicadangkan bagi faktor persekitaran yang sedia ada dengan menambahkan lagi peluang-peluang dan pelbagaikan untuk menimbulkan minat pelajar yang lebih terhadap bidang keusahawanan.

ABSTRACT

The research is to determine the factors which influence the interest of the final years students from Department of Education Technical and Engineering of the University Technology Malaysia upon entrepreneurship. The respondents comprise of 140 respondents final year students. The instruments used in this research are questionnaire which consist five types of questions in order to find the factors which influence the final year students toward entrepreneurship. The data analyze using *Program Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 13.0* are provided to set the mean, frequency and percentage. There are two main factors that influence the final year students to interest upon entrepreneurship. The research indicated that subject and lecturer are the most influence factor because the high mean is 3.7. The medium are the social group of friend and family factor. To improve the environment which already existed. There are was to variety the chance towards entrepreneurship for final year students.

KANDUNGAN

BAB 1	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	HALAMAN JUDUL	iii
	HALAMAN PENGAKUAN	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4. Objektif Kajian	5
	1.5. Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Batasan Kajian	8
	1.8 Kerangka Kajian	9

1.9	Definisi Istilah	9
2.0	Kesimpulan	11

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Pengaruh kurikulum terhadap minat	14
2.3	Peranan pensyarah	16
2.4	Pengaruh suasana persekitaran	17
2.5	Pengaruh keluarga terhadap minat	18
2.6	Pengaruh rakan sebaya terhadap minat	20
2.7	Kepentingan usahawan dan keusahawanan	21
2.8	Kesimpulan	22

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.

3.1	Pengenalan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	24
3.3	Tempat Kajian	25
3.4	Prosedur Kajian	25
3.5	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	25
3.6	Instrumen Kajian.	26
3.7	Analisis Data	28
3.8	Kajian Rintis	29
3.9	Kesimpulan	32

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	33
4.2	Analisis Bahagian A	34
4.2.1	Jantina	34
4.2.2	Umur	34
4.2.3	Pendapatan Bapa	35
4.2.4	Pendapatan Ibu	36
4.3	Analisis Bahagian B	36
4.3.1	Faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawan yang telah dipelajari boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.	37
4.3.2	Faktor pensyarah dapat mendorong pelajar supaya berminat menceburi bidang keusahawanan	39
4.3.3	Faktor suasana peskitaran dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan	41
4.3.4	Faktor keluarga yang dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan	43
4.3.5	Faktor rakan sebaya memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan.	45
4.4	Analisis Mengikut Soalan Kajian	47
4.5	Kesimpulan	49

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	51
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	
5.2.1	Rumusan Bahagian A	52
5.2.2	Rumusan Bahagian B	52
5.3	Perbincangan Persoalan Kajian	54
5.3.1	Perbincangan Soalan Kajian 1	54
5.3.2	Perbincangan Soalan Kajian 2	56
5.3.3	Perbincangan Soalan Kajian 3	57
5.3.4	Perbincangan Soalan Kajian 4	58
5.3.5	Perbincangan Soalan Kajian 5	60
5.4	Cadangan	61
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	62
5.6	Penutup	63

BIBLIOGRAFI	64
--------------------	----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Populasi kajian dan sampel kajian	26
3.2	Kandungan instrumen kajian	27
3.3	Peringkat perskalaan yang digunakan bagi item-item Bahagian B	29
3.4	Jadual Penganalisan data	29
3.5	Alpha Cronbach	30
3.6	Skala Pemeringkatan Responden terhadap min	31
4.1	Kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.	34
4.2	Kekerapan dan peratusan responden mengikut umur.	34
4.3	Kekerapan dan peratusan responden mengikut pendapatan bapa.	35
4.4	Kekerapan dan peratusan responden mengikut pendapatan ibu.	36
4.5	Kekerapan dan peratusan responden faktor mata	37

- pelajaran Perdagangan dan Keusahawan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 4.6 Kekерapan dan peratusan responden mengikut factor pensyarah dapat mendorong pelajar supaya berminat menceburi bidang keusahawanan. 39
- 4.7 Kekерapan dan peratusan responden mengenai faktor suasana persekitaran dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. 41
- 4.8 Kekерapan dan peratusan responden faktor keluarga dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan 43
- 4.9 Kekерapan dan peratusan responden mengenai faktor rakan sebaya memberi motivasi untuk meminati untuk meminati bidang keusahawanan. 45
- 5.0 Purata peratusan dan min responden bagi persoalan kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan. 47

SENARAI SINGKATAN**SINGKATAN****KETERANGAN**

IPT	Institut Pengajian Tinggi
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SPSS	Statistical Package of Social Science.

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|--|
| A | Surat Pengesahan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |
| B | Surat Pengesahan Soal Selidik |
| C | Soal Selidik |
| D | Keputusan Kebolehpercayaan Kajian Rintis. |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keusahawanan bermula sejak bermulanya tamadun manusia. Pada masa lampau keusahawanan dipraktikkan secara kecil-kecilan di rumah. Sebagai contoh, seisi sekeluarga menjadi usahawan bagi barangan tertentu. Ada sesetengah keluarga yang ahli keluarga menjadi nelayan, maka pekerjaan mereka menangkap dan memproses ikan. Dari situ, keluarga tersebut merupakan usahawan ikan dan hasil ikan. Ada juga keluarga lain yang menjadikan hasil pertanian sebagai bidang keusahawanan mereka.

Manakala di Negara Barat, terdapat keluarga yang menghasilkan peralatan besi, hasil tenusu, lilin dan perabot untuk dijual dan ditukar dengan barang lain yang diperlukan dalam kehidupan mereka seharian. Usahawan kecil-kecilan ini telah berupaya menampung perbelanjaan kehidupan mereka berabad lama.

Kini konsep keusahawanan berlainan dari masa lalu. Ia telah berlaku perubahan selaras dengan masa. Perkataan 'usahawan' berasal dari kata akar 'usaha' (Kamus Dewan, Edisi Ketiga 1994), maka usahawan ialah orang yang mengeluarkan sesuatu. Perkara ini berkaitan dengan individu itu sahaja iaitu orang yang mengeluarkan sesuatu

tetapi ia juga mampu untuk membuka peluang kepada orang lain dengan memperoleh manfaatnya.

Usahawan adalah individu yang menyumbang kepada kejayaan ekonomi sesebuah negara. Di Malaysia, semakin ramai yang bercita-cita untuk menceburi bidang perniagaan. Hal ini merujuk kepada sambutan yang diberikan kepada program dan latihan keusahawanan yang dijalankan bagi melahirkan usahawan-usahawan baru. (Utusan Malaysia, 16 Ogos 2005.)

Aspek keusahawanan kini dimasukkan dalam semua sukatan pelajaran sekolah dan institusi pengajian tinggi secara merentas kurikulum bagi memupuk minat pelajar terhadap bidang berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr. Hasssan Said berkata langkah itu selaras pelaksanaan Pelan K-Ekonomi ke arah mewujudkan negara berteraskan pengetahuan ekonomi (K-Ekonomi). Malah, semua pelajar universiti awam diwajibkan mengikuti kursus keusahawanan sebagai persediaan menceburi bidang perniagaan dan meningkatkan daya saing dalam pasaran kerjaya.

Katanya lagi, perkembangan pesat sektor industri kecil dan sederhana (IKS) secara tidak langsung mewujudkan peluang luas pelajar IPT menceburi bidang perniagaan. Sektor IKS di negara ini berkembang pesat kerana mempunyai sumber alam semula jadi, tenaga kerja mahir dan separuh mahir serta kos penyelenggaraan berpatutan.

Beliau turut menyatakan bahawa tiga perkara utama harus diambil kira sebelum keusahawanan IKS diperluaskan ke IPT iaitu meningkatkan usaha memperbaiki imej usahawan berkenaan, pendidikan keusahawanan perlu dipupuk sejak awal dan mewujudkan kesedaran terhadap bidang berkenaan.

Program pendidikan keusahawanan mestilah diselaraskan bersama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi, kandungan pendidikannya boleh diadaptasikan dengan perkembangan perniagaan negara khususnya sektor IKS dan mewujudkan lebih ramai ahli pemikir serta akademik dalam bidang berkenaan. (Berita Harian, 5 Januari 2006)

Oleh hal yang demikian adalah patut minat, pengetahuan, kemahiran serta sifat-sifat keusahawanan disemai sejak dari kecil awal lagi. Manusia boleh dididik dengan asas-asas keusahawanan dari peringkat remaja lagi supaya sikap berdikari boleh dipupuk.

Pengetahuan dan kemahiran dalam keusahawanan boleh dipelajari untuk mewujudkan manusia yang lebih kreatif dan inovatif serta produktif. Keusahawanan juga dapat mewujudkan manusia yang sanggup menghadapi cabaran, berani menanggung risiko, gigih berusaha, berfikiran jauh dan memiliki daya kepimpinan yang tinggi.

1.2 Latar belakang Masalah

Usahawan dianggap sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara dan masyarakat. Abdul Aziz Yusuf (1998), menyatakan bahawa masyarakat yang terbaik adalah masyarakat yang mempunyai usahawan yang paling ramai. Menurut Abdul Aziz Yusuf lagi, usahawan merupakan individu yang paling dinamik dan inovatif. Mereka sanggup berhadapan dengan ketidaktentuan sesuatu keadaan melalui kreativiti dan kesungguhan untuk berjaya.

Menurut Nor Aishah Buang (2002), pelajar, ibubapa dan masyarakat tidak cenderung ke arah keusahawanan. Mereka kurang kesedaran terhadap peluang perniagaan yang berasaskan kemahiran sedia ada. Kekurangan utama mereka ialah mereka kurang bersedia dari aspek pengetahuan atau asas perniagaan, pengalaman dan modal.

Secara amnya, sistem pendidikan di negara tidak memberi penekanan kepada bidang keusahawanan. Kesedaran inovasi, perkembangan motivasi dan kreativiti untuk sistem pendidikan yang ada pada masa kini lebih ke arah melahirkan tenaga professional seperti doktor, akauntan dan jurutera.

Oleh itu, generasi muda perlu memiliki kualiti keusahawanan yang boleh membantu membangunkan diri mereka sebagai seorang usahawan yang berjaya. Menurut Mohd Seth (1995) menyatakan bahawa usahawan hanya dilahirkan dan bukan boleh dibentuk. Malangnya, jika hujah ini diperakui kerana negara kita sentiasa memerlukan ramai usahawan untuk menjana ekonomi negara.

Penekanan untuk mewujudkan suatu persekitaran atau suasana ke arah kecemerlangan keusahawanan adalah perlu. Menurut Peter Drucker, 1996 (dalam Nor

Aishah Buang, 2002), sesiapa sahaja daripada mana-mana organisasi boleh belajar dan dilatih menjadi usahawan.

Dalam situasi pendidikan yang berkaitan dengan keusahawanan, ada mata pelajaran yang telah dirancang bagi pelajar-pelajar. Sebagai contoh, Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Johor telah mewujudkan satu mata pelajaran yang berkaitan keusahawanan iaitu Perdagangan dan Keusahawanan. Mata pelajaran tersebut telah diajar pada Tahun Tiga, Semester Enam. Pelajar-pelajar yang mendapat kemahiran tersebut tidak akan memikikan untuk makan gaji sahaja apabila bekerja kelak malah mereka jua akan mencari sesuatu kelainan untuk kehidupan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum keusahawanan lebih menyeluruh dan berkesan adalah perlu bagi memberi pengetahuan awal kepada pelajar. Pensyarah-pensyarah yang berdedikasi dan berinovatif dalam pendekatan pengajarannya juga penting dalam menyuntik semangat kepada pelajar.

Di samping itu, tidak ketinggalan peranan individu yang paling hampir iaitu keluarga, masyarakat sekeliling untuk membantu memberi motivasi dalam kecenderungan terhadap bidang keusahawanan.

Penyelidik menjalankan penyelidikan untuk mengkaji faktor manakah yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan dan perdagangan. Penyelidik jua ingin mengenal pasti sejauhmanakah faktor-faktor itu yang menyebabkan pelajar berminat terhadap bidang keusahawanan.

Kajian ini berdasarkan faktor-faktor seperti kurikulum yang telah dipelajari, peranan pensyarah sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kuliah dan di luar kuliah, suasana persekitaran pelajar, latar belakang keluarga dan pengaruh rakan sebaya di manakah faktor-faktor ini yang berkait rapat dalam kehidupan seorang pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan iaitu :

- 1.4.1 Mengetahui faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 1.4.2 Mengetahui peranan yang dimainkan oleh pensyarah dalam mendorong minat pelajar untuk meminati bidang keusahawanan
- 1.4.3 Mengetahui faktor suasana persekitaran yang dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 1.4.4. Mengetahui peranan faktor keluarga dalam membantu memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

- 1.4.5 Mengetahui pasti peranan faktor rakan sebaya yang boleh memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Adakah faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan yang telah mereka pelajari boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan?
- 1.5.2 Adakah faktor yang dimainkan oleh pensyarah dalam mendorong minat pelajar untuk meminati bidang keusahawanan?
- 1.5.3 Adakah faktor suasana persekitaran dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan?
- 1.5.4 Adakah faktor keluarga dapat membantu memupuk minat pelajar untuk meminati bidang keusahawanan?
- 1.5.5 Adakah faktor rakan sebaya boleh memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan?.